

# MALAM PENGHARGAAN SST

## 13 DISEMBER, 1 BORNEO EAST INDIA GRAND BALLROOM



Kelab kebajikan SST telah menganjurkan Malam Penghargaan Sekolah Sains dan Teknologi, SST yang pertama pada 13 Disember 2010 di 1 Borneo East India Grand Ballroom. Majlis ini dihadiri oleh 130 hadirin yang terdiri daripada staf akademik serta staf sokongan SST. Majlis dirasmikan oleh Dekan SST iaitu Prof. Dr. Mohd. Harun Abdullah. Majlis ini bertujuan untuk merapatkan hubungan silaturahim antara staf akademik dengan staf sokongan SST disamping memberi peluang kepada staf baru untuk berkenalan dengan semua staf SST secara informal. Beberapa pertandingan secara berkumpulan turut dianjurkan sempena malam penghargaan.

Antaranya ialah Anugerah Program Pengajian Contoh SST, Anugerah Papan Kenyataan Terbaik SST 2010 dan Anugerah Makmal Contoh SST 2010. Cabutan bertuah turut diadakan untuk memeriahkan majlis. Pertandingan Mencipta Puisi 2010 turut diadakan dan dihadkan kepada staf SST yang ingin menguji bakat kreatif masing-masing. Pemenangnya ialah En. Musbah Abuh dan beliau diberi peluang mendeklamasikan puisinya yang bertajuk 'Andai Aku Terlupa' sempena malam penghargaan ini. Tahniah diucapkan kepada para pemenang anugerah-anugerah yang dipertandingkan.

Artikel oleh: Sharain Liew Yen Ling



Staf-staf daripada Program Bioteknologi bersama TNC Akademik, Prof. Dr. Amran Ahmad.



Staf-staf SST